

16 MAR 2001

BARISAN PENCERAMAH TERKEMUKA DI SIDANG PATA

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Beberapa penceramah terkemuka akan berucap pada persidangan tahunan ke-50 Persatuan Pelancongan Asia Pasifik di sini dari 8 hingga 12 April ini.

Pada 9 April, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan itu yang akan dihadiri oleh 2,000 anggota perwakilan dari 70 negara.

Menurut kenyataan akhbar yang disiarkan dalam laman web PATA, 23 penceramah dari tujuh negara akan membincangkan tajuk-tajuk kritikal yang mempunyai kesan secara langsung terhadap aspek perniagaan.

Anggota pengasas PATA L.W. "Bill" Lane, Jr. akan berucap mengenai sejarah persatuan itu manakala penulis Foong Wai Fong akan membangkitkan soal potensi rantau Asia Pasifik.

Bekas Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie merupakan seorang daripada anggota panel yang akan mengupas tajuk "Meneroka Masa Depan Asia Pasifik" bersama-sama dengan Naib Presiden Eksekutif Boeing Commercial (USA) Seddik Belyamani, dan Presiden Marriot International (USA) Ed Fuller.

Persidangan itu juga akan menyentuh mengenai pelbagai peluang dalam industri pelancongan selain isu-isu berkaitan seperti keselamatan dan kesan AIDS.

-- BERNAMA

RR ZS MAI